

Media item**Full Text****Memanfaatkan Dasar Lautan Negara**

Utusan Malaysia, Malaysia by Oleh PROF. DR. NOR AIENI MOKHTAR
DAN DR. IZYAN MUNIRAH MOHD ZAIDEEN
Supplement - Page 0 - 780 words - ID my0046418287 - Photo: No - Type:
- Size: 1673.00cm²

17 Dec 2021

Oleh PROF. DR. NOR AIENI MOKHTAR DAN DR. IZYAN MUNIRAH MOHD ZAIDEEN
£ > I DR. NOR AIENIMOKHTAR DR. IZYAN MUNIRAH MOHD. ZAIDEEN TUKUN diturunkan ke dasar laut bagi memastikan ekosistem dan pembiakan ikan kekal lestari. gayautusan@mediamulia.com.my MA L A Y S IA diklasifikasi sebagai sebuah negara maritim berpandukan kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan antarabangsa dan terletak di antara rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi. Selain kedudukannya di tengah-tengah laluan perkapalan dunia, ia juga kaya dengan sumber asli dan laut. Faktor ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai kelebihan dengan cabarannya tersendiri. Justeru, Malaysia perlu mempergiatkan usaha untuk memanfaatkan kelebihan itu secara optimum dan mampan ke arah negara maritim unggul. Sebagai sebuah negara pesisir, industri maritim negara telah menjadi asas kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi berkaitan marin. Jika diamati, negara masih belum mempunyai dasar yang terangkum serta suatu struktur organisasi khas bagi mengawal seluruh aktiviti lautan. Pengurusan sedia ada yang PELANCARAN misi bantuan sukarelawan dan NGO ke Pulau Redang. antaranya ialah pertindihan bidang kuasa dan pengaturan instrumen undang-undang yang longgar.

Memandangkan negara memasuki Dekad Sains Lautan untuk Pembangunan Lestari di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) awal tahun ini, pembangunan Dasar Lautan Negara seharusnya menjadi acuan asas untuk tadbir urus lautan yang komprehensif. Pihak berkepentingan sewajarnya mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk merealisasikan matlamat ini. Pada tahun 2011, Malaysia secara umumnya telah merangka draf Dasar Lautan Negara melalui bahagian Direktorat Oseanografi Negara (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Rangka ini berfungsi sebagai asas untuk membangunkan strategi masa depan, serta pelan tindakan berkaitan pengurusan persekitaran dan sumber lautan dan pantai.

DASAR LAUTAN NEGARA Rangka Dasar Lautan Negara berpandukan 12 prinsip iaitu hak untuk membangun, saksama dan inklusif, pendekatan ekosistem, bersepada dan holistik, menghormati budaya dan warisan orang asli. Selain itu penyertaan orang ramai, benefisiari/pencemar membayar, pendekatan berjaga-jaga, kerjasama dan penyalarasang antarabangsa, pembuatan keputusan termaklum, pembangunan mampan dan pemuliharaan biodiversiti biologi. Seterusnya prinsip ini disokong oleh empat matlamat dan objektif iaitu memahami, memulihara dan memuliharkan persekitaran lautan, menyokong I T Malaysia perlu mempergiatkan usaha untuk memanfaatkan kelebihan itu secara optimum dan mampan ke arah negara maritim unggul.

"pertumbuhan dan peluang ekonomi yang mampan, amalkan tadbir urus lautan yang baik dan mencapai penglibatan, bertanggungjawab dan pembangunan mampan untuk pulau dan pantai. Dasar Lautan Negara bakal menjadi rujukan utama bagi membuat keputusan, sektor agensi dan pelaksana dasar bukan kerajaan untuk menangani isu dan menyelaraskan inisiatif ke arah visi yang dipersetujui. Ia seperti yang digariskan dalam lima teras strategik dan tindakan utama seperti Ekonomi Lautan Produktif, Persekutuan Lautan Sihat, Pangkalan Bakat Marin Dunia Pertama, Tadbir Urus Lautan yang Baik dan Data lautan, Sains, Teknologi dan Inovasi. Rangka dasar ini turut menggariskan pelbagai cadangan untuk merapatkan jurang untuk penggunaan ekosistem marin yang mampan. Antaranya ekonomi lautan yang mampan yang menggalakkan perkongsian awam-swasta; mengubah industri berasaskan lautan dan pantai; memperkuuh pengetahuan dalam sains dan teknologi marin untuk memacu pertumbuhan yang diterajui oleh inovasi dan strategi pengurusan data lautan kebangsaan untuk penyeragaman data. Namun, kerangka dasar itu tidak dapat dilengkapkan berikutnya berlaku perubahan pada

struktur pentadbiran kementerian terlibat. Pengurusan sumber lautan dan pantai amat penting dalam mengimbangi keperluan untuk meneruskan dan mengekalkan penyediaan perkhidmatan untuk pembangunan dan aktiviti ekonomi. Namun tujuan ini tidak dapat dicapai sekiranya pengurusan berpusat tidak SEKUMPULAN pelajar sekolah melakukan sesi latihan pelayaran di pantai Kuala Nerus. Terengganu dilakukan. Sehubungan itu, langkah transformatif perlu diambil dengan membangunkan semula Dasar Lautan Negara yang adaptif dan dinamik untuk menangani konflik lautan yang berlarutan berpuluhan tahun lamanya. Pihak berkepentingan perlu berganding bahu dalam menangani cabaran ini supaya negara tidak ketinggalan dalam menelusuri perkembangan ekonomi global yang semakin berkembang. Kementerian terlibat boleh terus melaksanakan langkah-langkah seterusnya ke arah kelulusan draf itu ke dalam dasar negara. Ia dengan mengadakan beberapa siri penglibatan peringkat tinggi dengan pihak berkepentingan dan pembentangan kepada jawatankuasa penting dan kelulusan daripada kabinet. Seterusnya, pihak berkuasa kerajaan sewajarnya lebih terbuka dalam menerima input dan cadangan daripada ahli akademik dan pemain industri. Pembangunan dasar lautan bersepada seharusnya berdasarkan data empirikal melalui penyelidikan bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus lautan. Pembangunan Dasar Lautan Negara juga perlu mengambil kira inisiatif penguatkuasaan perundangan lautan sedia ada untuk melindungi surriber dan ekosistem yang terdedah kepada ancaman pencemaran. Selain itu, pendekatan pengurusan berdasarkan topdown dalam menyelaraskan kementerian dan agensi yang terlibat serta perancangan spatial marin juga perlu diterapkan. Dapat disimpulkan pembangunan Dasar Lautan Negara amat penting dalam memastikan kebolehlaksanaan tadbir urus dalam pengurusan struktur guna laut yang lebih inklusif untuk manfaat saksama pada masa kini dan masa depan sambil memenuhi kewajipan untuk mengurus, melindungi dan memelihara alam sekitar. Selain itu, bagi menjamin pelaksanaan pembangunan sosio ekonomi yang lestari, negara perlu mengekalkan keamanan dan keselamatan serta memastikan kedaulatan negara dilindungi. Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar adalah Feb Penyelidik Kehormat, UMT dan Dr. Izyan Munirah Mohd Zaideen adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Maritim, UMT. DASAR Lautan Negara amat penting dalam memastikan kebolehlaksanaan tadbir urus dalam pengurusan struktur guna laut yang lebih inklusif.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.